JAAFAR BIN AHMAT ZAIRU & 1 LAGI

lwn.

TEH PO HUA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
DATO' HJ. WAN MOHAMED BIN WAN MUSTAPHA H.
[GUAMAN SIVIL NO. S2-25-383-87]
28 JULAI 1994

TORT: Kemalangan jalanraya - Gantirugi - Taksiran - Awad oleh Penolong Kanan Pendaftar - Rayuan - Samada awad terlalu tinggi - Samada awad patut dikekalkan - Samada Penolong Kanan Pendaftar membuat taksiran berdasarkan prinsip yang salah.

Ini adalah satu kes tuntutan gantirugi akibat kemalangan jalanraya di mana Mahkamah telah memutuskan bahawa kadar tanggungan defendan dan plaintif adalah 50% masing-masing. Akibat dari kemalangan tersebut plaintif pertama mendapat kecederaan di bahagian kepalanya dan mengalami kelemahan di sebelah kanan badannya serta beberapa kecacatan kekal termasuklah kependekan 2 cm pada kaki kanannya. Beliau, bagaimanapun, masih boleh berjalan dan membuat kerja-kerja ringan walaupun cepat merasa penat. Bagi plaintif kedua, yang bekerja sebagai Penolong Am di Koperasi Universiti Malaya, kemalangan tersebut menyebabkan beliau menjadi separuh lumpuh dan terpaksa dibantu untuk kesana kemari, walaupun untuk duduk dan bangun dari kerusi rodanya beliau boleh melakukannya sendiri. Keterangan perubatan menunjukkan bahawa plaintif kedua masih boleh membuat kerja-kerja ringan sambil duduk seperti menaip, menjadi operator telefon dan yang sebagainya.

Penolong Kanan Pendaftar, dalam taksiran gantirugi yang dibuat berdasarkan kepada 100% tanggungan, antara lain, telah mengawadkan (1) Gantirugi kepada plaintif pertama mengenai kecederaan sebanyak RM60,000 (2) Kehilangan pendapatan bagi masa depan plaintif kedua sebanyak RM330 sebulan selama 16 tahun berjumlah RM63,360 dan (3) Kos rawatan plaintif kedua sebanyak RM100 sebulan selama 16 tahun berjumlah RM19,200.

Perayu merayu terhadap awad di atas dan berhujah bahawa:

(1) Awad kerana kecederaan sebanyak RM60,000 kepada plaintif pertama harus dikurangkan kepada RM45,000 oleh kerana plaintif pertama tidak mengalami apa-apa kecederaan di bahagian otak atau spinal cord dan tidak ada bukti yang beliau telah hilang ingatan akibat kecederaan yang dialaminya itu.

(2) Awad sebanyak RM330 sebulan bagi kehilangan pendapatan masa depan plaintif kedua adalah kehilangan pendapatannya yang penuh dan adalah tidak patut oleh kerana plaintif kedua walaupun lumpuh masih mampu membuat kerja-kerja ringan. Perayu menyatakan awad yang patut bagi kehilangan pendapatan plaintif kedua adalah RM100 sebulan bagi tempoh 15 tahun, iaitu berjumlah RM21,960 dan bukannya RM63,360 seperti yang diawadkan.

(3) Oleh kerana plaintif tinggal dengan keluarganya dan dengan itu boleh dilayan oleh mereka, dan juga oleh kerana tiada bukti bahawa beliau kehilangan kawalan pundi-pundi air kencing dan usus besarnya yang memerlukan penjagaan yang khusus, plaintif kedua hanya patut diawadkan RM50 sahaja sebulan bagi kos rawatan dan tidak RM100.

Diputuskan:

[1] Tiada sebab yang munasabah untuk membolehkan Mahkamah ini meminda atau mengubah keputusan Penolong Kanan Pendaftar mengenai kuantum gantirugi dalam kes ini.

[2] Setelah menghalusi laporan pakar mengenai plaintif pertama awad sebanyak RM60,000 untuk kecederaan dan kecacatan yang dialami adalah sangat munasabah. Sungguhpun plaintif pertama tidak hilang ingatan dan tidak mengalami "generalised or temporal lobe epilepsy" dan kecederaan pada otaknya tidak membuatkan dia cepat mati, awad sebanyak RM60,000 itu tidak boleh disifatkan sebagai terlampau tinggi atau perlu dikurangkan.

[3] Awad sebanyak RM330 sebulan untuk kehilangan pendapatan plaintif kedua adalah berpatutan dan munasabah walaupun beliau masih boleh bekerja atau membuat kerja-kerja tertentu sambil duduk. Harus diingat bahawa plaintif kedua tidak dapat pergi sendiri ke tempat kerja tanpa dibantu pergi dan dibawa balik. Adalah juga jelas bahawa upah atau belanja/kos untuk membantu dan membawa plaintif kedua ke tempat kerja adalah lebih kurang sama dengan gaji yang bakal diperolehi daripada kerja yang mampu dibuat olehnya. Lagipun plaintif kedua tidak mempunyai pengetahuan asas dalam bidang jurutaip atau komputer. Maka pendapat Penolong Kanan Pendaftar menyifatkan plaintif kedua tidak dapat bekerja langsung adalah munasabah dan pemberian RM330 sebulan selama tempoh 16 tahun adalah adil.

[4] Kos rawatan dan layanan kepada plaintif kedua sebanyak RM100 sebulan tidak harus dikurangkan atau disifatkan sebagai tidak perlu, kerana kedua-dua belah kakinya menjadi lumpuh dan tangan kanannya menjadi lemah. Dari laporan doktor pakar yang berkenaan, plaintif perlu mendapat layanan daripada seorang pembantu walau pun tidak sepenuh masa. Peruntukan yang diberi untuk upah seseorang melayani separa masa sebanyak RM100 sebulan itu adalah sangat munasabah.

[Rayuan ditolak].

Kes-kes yang dirujuk:

Lim Eng Kay v. Jaafar bin Mohamed Said [1982] CLJ 27/[1982] 2 MLJ 156 ***(dibezakan)***
Noor Azahar bin Habin v. Rajaswari a/p Sithampara Pillai & Anor. [1991] 1 CLJ 150 ***(dirujuk)***
Pattan a/l Sembadayan v. Periasamy s/o Vellan [1988] 1 CLJ 826 ***(dirujuk)***
Rasidin bin Partorjo v. Frederick Kiai [1976] 2 MLJ 214 ***(dirujuk)***
Topaiwah v. Salleh [1968] 1 MLJ 284 ***(dirujuk)***
Tan Kuan Yau v. Suhindrimani [1985] 1 CLJ 429/[1985] 2 MLJ 22 ***(dirujuk)***
Pengarah Instutiut Penyelidikan Perubatan & Anor. v. Inthira Devi @ Inthira Devi a/p S. Nadeson & Anor. [1987] 2 CLJ 420 ***(dirujuk)***
K. Ratnasingam v. Kow Ah Dek & Anor. [1983] 2 CLJ 183/[1983] 2 MLJ 297 ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif - Asmawati Hj. Asnawi; T/n. R. K. Nathan & Co.
Bagi pihak defendan - Andrew Khoo; T/n. Khoo & Sidhu

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Wan Mohamed Bin Wan Mustapha H:

Dalam kes tuntutan gantirugi akibat kemalangan jalanraya ini Mahkamah telah memutuskan bahawa defendan bertanggungan sekadar 50% dan pihak plaintif 50%. Taksiran gantirugi telah dibicarakan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar. Penolong

Kanan Pendaftar telah membuat award berdasar kepada 100% tanggungan seperti berikut:

Bagi plaintif pertama

1. Gantirugi am kerana kecederaan, kesakitan dan penderitaan yang dialami oleh plaintif pertama RM60,000 dengan faedah 8% setahun mulai tarikh writ saman difailkan hingga tarikh penghakiman.
2. Kehilangan separa/sebahagian daripada pendapatan bagi masa hadapan sebanyak RM126 sebulan selama 15 tahun berjumlah RM22,680.
3. Kehilangan pendapatan sehingga tarikh perbicaraan pada kadar RM350 sebulan selama 12 bulan berjumlah RM4,200 dengan faedah 4% setahun dari tarikh kemalangan hingga tarikh penghakiman.
4. Gantirugi khas yang dipersetujui sebanyak RM430 dengan faedah 4% setahun dari tarikh kemalangan hingga tarikh penghakiman.
5. Faedah seterusnya pada kadar 8% setahun dari tarikh penghakiman hingga tarikh pembayaran di atas semua jumlah penghakiman.

Bagi plaintif kedua

1. Gantirugi am kerana kecederaan, penderitaan dan kesakitan yang dialami oleh plaintif kedua RM100,000 dengan faedah 8% setahun dari tarikh writ saman difailkan hingga tarikh penghakiman.
2. Kehilangan pendapatan bagi masa hadapan di atas kadar RM330 sebulan selama 16 tahun berjumlah RM63,360.
3. Kos rawatan menjaga plaintif kedua RM100 sebulan selama 16 tahun berjumlah RM 19,200.
4. Gantirugi khas yang dipersetujui sebanyak RM1,030 dengan faedah 4% setahun dari tarikh kemalangan hingga tarikh penghakiman.
5. Faedah seterusnya pada kadar 8% setahun daripada tarikh penghakiman hingga tarikh pembayaran di atas semua jumlah penghakiman.

Defendan tidak puas hati di atas sebahagian daripada keputusan di atas dan membuat rayuan kepada Hakim Dalam Kamar. Butir-butir penghakiman yang defendan tidak puas hati dan yang dirayukan adalah seperti berikut:

1. Gantirugi am kepada plaintif pertama mengenai kecederaan sebanyak RM60,000.
2. Kehilangan pendapatan bagi masa depan plaintif kedua sebanyak RM330 sebulan selama 16 tahun berjumlah RM63,360; dan
3. Kos rawatan plaintif kedua sebanyak RM100 sebulan selama 16 tahun berjumlah RM19,200.

Peguam pihak perayu (defendan) telah memasukkan hujah bertulis yang boleh diringkaskan seperti berikut:

(i) Rujukan dibuat kepada laporan perubatan dan laporan doktor pakar. Kecederaan yang dialami oleh plaintiff pertama telah diperiksa oleh doktor pakar iaitu Dr. C. Bala Ratnam. Mengikut pendapatnya sungguhpun plaintif pertama mengalami kelemahan di sebelah kanan dengan hypoplasia kepada bahagian bawah kaki

sebelah kanan kakinya, plaintif masih boleh berjalan dan boleh membuat kerja ringan sungguhpun beliau akan lekas menjadi penat. Kependekkan sebanyak 2 cm pada kaki kanannya boleh dikurangkan kesulitannya dengan menggunakan tapak kasut yang agak tinggi. Tiada bukti yang plaintif mengalami hilang peringatan. Mengikut kes yang dirujukkan oleh defendan, gantirugi yang pernah diberi kepada seseorang yang mengalami kecederaan yang lebih teruk telah diawardkan lebih rendah daripada apa yang diawardkan oleh Penolong Kanan Pendaftar. Peguam pihak perayu (defendan) meminta supaya award sebanyak RM60,000 yang diberi oleh Penolong Kanan Pendaftar kepada plainftif pertama dikurangkan kepada RM45,000 oleh kerana plaintif tidak mengalami sebarang kecederaan pada otak dan juga spinal cord.

(ii) Untuk kehilangan pendapatan plaintif kedua bagi masa depan peguam pihak perayu (defendan) mengatakan bahawa Penolong Kanan Pendaftar telah memberi/ mengawardkan sebanyak RM330 sebulan merupakan kehilangan pendapatan yang penuh, seolah-olah plaintif tidak dapat bekerja langsung. Peguam pihak perayu menghujahkan kehilangan pendapatan bagi masa depan plaintif kedua tidak sepatutnya diberi kepada plaintif kedua kadar sepenuhnya oleh kerana:

(a) Mengikut pendapat Dr. Bala Ratnam, plaintif kedua boleh membuat kerja sambil duduk seperti menaip, menjadi operator computer, telefon atau lif. Plaintif kedua tidak mengalami kecacatan membuang air kecil dan air besar dan dapat bergerak sendiri untuk duduk dan bangun daripada kerusi roda. Untuk taksiran kecederaan yang dialami oleh plaintif kedua, peguam pihak perayu (defendan) merujuk kepada kes *Lim Eng Kay v. Jaafar bin Mohamed Said* [1982] 2 MLJ 156 dan kes *Noor Azahar bin Habin v. Rajaswari a/p Sithampara Pillai & Anor.* [1991] 1 CLJ 150, yang dirujukkan oleh peguam pihak perayu adalah berbeza dengan kes di hadapan Mahkamah ini sekarang dan tidak sepatutnya menjadi panduan untuk penaksiran gantirugi dalam kes ini. Peguam pihak perayu (defendan) seterusnya mencadangkan bahawa plaintif kedua diberi kehilangan pendapatan sebanyak RM100 sebulan bagi tempoh masa 15 tahun dan jumlahnya ialah RM21,960 dan bukannya RM63,360 sebagaimana yang diawardkan oleh Penolong Kanan Pendaftar.

(iii) Butiran yang ketiga yang dirayukan oleh defendan ialah mengenai kos layanan dan penjagaan kebersihan plaintif kedua sebanyak RM100 sebulan untuk selama 16 tahun. Peguam pihak perayu (defendan) menghujahkan bahawa tiada bukti yang plaintif kedua kehilangan kawalan pundi-pundi air kencing dan usus besarnya. Lagipun, katanya, oleh kerana plaintif kedua tinggal bersama-sama dengan keluarganya, tiada sebab kenapa beliau tidak boleh dilayani oleh ahli-ahli keluarganya. Selain daripada itu orang yang dikatakan diupah menjaga plaintif kedua telah tidak dipanggil memberi keterangan. Peguam pihak perayu (defendan) merujuk kepada kes *Pattan a/l Sembadayan v. Periasamy s/o Vellan* [1988] 1 CLJ 826. Katanya dalam kes itu Mahkamah telah mengawardkan jumlah yang minima iaitu sebanyak RM50 sebulan dalam keadaan bahawa tiada keterangan yang plaintif memerlukan rawatan. Oleh itu peguam pihak perayu (defendan) mengatakan bahawa plaintif kedua dalam kes di hadapan Mahkamah ini sekarang patut diawardkan sebanyak RM50 sahaja sebulan dan bukan RM100 sebulan sebagaimana yang diawardkan oleh Penolong Kanan Pendaftar.

Menjawab hujah yang dikemukakan oleh peguam pihak perayu (defendan), peguam pihak responden (plaintif) merujuk kepada kes-kes di mana terdapat prinsip-prinsip

dalam rayuan mengenai kuantum yang diawardkan oleh sesebuah Mahkamah atau Hakim yang mendengar perbicaraan di hadapannya. Mahkamah rayuan dalam kes:

1. *Rasidin bin Partorjo v. Frederick Kiai* [1976] 2 MLJ 214 membuat keputusan atau pendapat seperti berikut:

   Held (1) - it would be wrong for the appellate court which had not seen or heard the witnesses to substitute its own finding of fact for that of the learned trial Judge;

   (2) - on an appeal against the damages awarded, the appellant had to convince the appellate Court that the learned trial Judge had acted on a wrong principle of law or had misapprehended the facts or had for other reasons made a wholly erroneous estimate of the damage suffered.

2. *Topaiwah v. Salleh* [1968] 1 MLJ 284 membuat keputusan seperti berikut:

   Held, dismissing the appeal: the Federal Court will be disinclined to reverse the finding of a trial Judge as to the amount of damages merely because they think that if they had tried the case in the first instance they would have given a lesser sum. In order to justify reversing the trial Judge on the question of the amount of damages it will generally be necessary that this Court should be convinced either that the Judge acted on some wrong principle of law, or that the amount awarded was so extremely high or so very small as to make it an entirely erroneous estimate of the damages to which the plaintiff is entitled. The assessments which the courts have made over the years form some guide to the kind of figure which is proper and which the Federal Court will follow in the light of the special facts of each particular case.

3. *Tan Kuan Yau v. Suhindrimani* [1985] 2 MLJ 22 membuat keputusan seperti berikut:

   Held (1) the principle which should guide the Court in determining whether it should interfere with the quantum of damages is crystal clear. Much depends on the circumstances of each case, in particular the amount of the award. In a particular case therefore it is for the appeal Court to consider whether in the light of the circumstances of the case there is an erroneous estimate of the amount of damages in that either there was an omission on the part of the Judge to consider some relevant materials or he had admitted for purposes of assessment some irrelevant consideration. If the Court is satisfied or convinced that the Judge has acted upon wrong principles of law then it is justified in reversing; indeed, it is its duty to reverse the finding of the trial Judge.

(4) *Pengarah Institiut Penyelidikan Perubatan & Anor v. Inthira Devi @ Inthira Devi a/p S. Nadeson & Anor.* [1987] 2 CLJ 420, keputusan telah dibuat bahawa Mahkamah Rayuan tidak akan mengubah jumlah award yang dibuat oleh Hakim yang mendengar kes yang berkenaan walaupun Mahkamah Rayuan nampak atau berpendapat bahawa award yang telah diputuskan oleh Hakim yang mendengar kes itu terlebih atau tertinggi sedikit.

Berhubung dengan award yang diberi kepada plaintif pertama untuk kecederaan, kesakitan, penderitaan dan kecacatan, yang dialaminya, peguam pihak responden (plaintif) mengatakan bahawa award sebanyak RM60,000 itu adalah berpatutan. Rujukkan dibuat kepada kes *K. Ratnasingam v. Kow Ah Dek & Anor.* [1983] 2 MLJ 297.

Mengenai kehilangan pendapatan plaintif kedua peguam pihak responden (plaintif) mengatakan bahawa sungguhpun doktor pakar mengatakan plaintif boleh membuat kerja sambil duduk seperti menaip dan mengoperate Komputer, plaintif kedua tidak mempunyai pengetahuan atau kebolehan asas untuk menjadi jurutaip atau operator Komputer. Lagipun plaintif kedua tidak boleh, tanpa dibawa oleh orang lain, pergi ke

tempat bekerja. Oleh itu peruntukkan sebanyak RM330 sebulan di atas kehilangan pendapatan selama 15 tahun adalah sangat berpatutan dan sekadar cukup menyara hidupnya sahaja. Rujukkan dibuat kepada kes *Noor Azahar bin Habin v. Rajaswari a/p Sithampara Pillai & Anor*. [1991] 1 CLJ 151.

Mengenai kos rawatan/layanan untuk plaintif kedua sebanyak RM100 itu adalah satu perbelanjaan yang sangat kecil. Bapa kepada plaintif kedua dan plaintif sendiri memberi keterangan dalam Mahkamah yang seorang pembantu bernama Mohd. Fuad diberi upah/gaji RM200 hingga RM250 sebulan. Tanpa memanggil Mohd. Fuad Penolong Kanan Pendaftar telah memutuskan RM100 sebulan sebagai jumlah yang munasabah.

Setelah mendengar hujah-hujah yang disampaikan oleh kedua-dua pihak, saya dapati tiada sebab yang munasabah untuk membolehkan saya meminda atau mengubah keputusan Penolong Kanan Pendaftar mengenai kuantum gantirugi dalam kes ini.

Adapun award sebanyak RM60,000 untuk kecederaan dan kecacatan yang dialami oleh plaintif pertama saya dapati sangat munasabah setelah menghalusi laporan pakar mengenai plaintif pertama. Kecederaan dan kecacatan ke atasnya tidak dipertikaikan oleh kerana laporan doktor pakar telahpun dikemukakan kepada Mahkamah sebagai salah satu daripada dokumen-dokumen yang dipersetujui. Laporan doktor pakar itu adalah seperti berikut:

> On admission to the Neurosurgical Department, General Hospital, Kuala Lumpur, patient was found to have:
>
> 1. Cerebral concussion with moderate closed head injury.
> 2. Abrasions over the left forehead, left cheek and both hands.
> 3. Haematoma of the upper lip and bleeding from the right nostril.
> 4. Patient later developed chest infection.

Setelah mendapat rawatan Dr. C. Bala Ratnam, Bala Neuro-Medical Clinic, memeriksa plaintif pertama dan didapati kecacatan seperti berikut:

1. Transient loss of consciousness.
2. Abrasions over the left forehead, left cheek and both hands which have healed well.
3. Haematoma over the upper lip which has healed well, with bleeding from the right nostril which has stopped.
4. As a result of the severity of the head injury, he had developed initial chest infection following the motor vehicle accident, which necessitated in his needing a tracheostomy to assist his ventilation. As a result of the tracheostomy he has a permanent scar over the supra-sternal notch.
5. As a result of the severity of the head injury with damage especially to the left (dominant) hemisphere, he now has the following permanent deficits:
   (a) Permanent limp on the right leg due to hypoplasia with under-development of the right leg compared to the left. Due to the left hemispheric damage, he has shortening of the right leg compared to the left by 2 cm, with decreased girth and size of the right leg compared to the left.
   (b) As a result of the shortening and hypoplasia, he has weakness with tendency to limp on the right leg on walking. Furthermore, he has difficulty in walking and especially so in running. He also prematurely fatigues in the right leg on prolonged

standing in the course of his manual work. The above deficits are permanent. He could partially overcome the limp on the right leg by using an elevated shoe for the right foot.

(c) He has weakness of the right hand especially in carrying heavy objects in the course of his work. He has pyramidal weakness of the right upper extremity due to injury to the left hemisphere. The above deficit is permanent.

(d) He complains of difficulty in recalling immediate events which I feel could be more subjective than objective.

6. He has CT Scan evidence of left ventricular dilatation suggesting early left cortical atrophy. The above deficit is permanent.

7. He has no historial or electrophysiological evidence of focal, generalised or temporal lobe epilepsy, as a result of the head injury.

8. Despite this patient's right sided weakness with hypoplasia of the right lower extremity, he is still able to walk. I feel he should be able to do manual chores but he will tend to fatigue prematurely. The head injury will in no way affect his life span.

Berdasar kepada laporan di atas, sungguhpun plaintif pertama tidak hilang ingatan dan tidak mengalami "generalised or temporal lobe epilepsy" dan masih boleh berjalan dan masih boleh bekerja tetapi cepat penat dan kecederaan pada otaknya tidak akan menyebabkan dia cepat mati, saya dapati bahawa award sebanyak RM60,000 itu tidak boleh disifatkan sebagai terlampau tinggi atau perlu dikurangkan.

Adapun award mengenai kehilangan pendapatan plaintif kedua, akibat daripada kecederaan yang dialaminya dan menjadi dianya separa lumpuh dan terpaksa menggunakan kerusi roda untuk pergi ke sesuatu tempat, award sebanyak RM330 sebulan itu didapati munasabah dan berpatutan, walaupun Dr. Bala Ratnam mengatakan yang plaintif kedua boleh membuat kerja sambil duduk, seperti menjadi lift operator, menaip atau mengendalikan komputer. Sayugia diingat bahawa plaintif kedua tidak dapat pergi sendiri ke tempat kerja tanpa dibawa pergi dan dibawa balik. Adalah didapati upah atau belanja/kos untuk membantu dan membawa plaintif kedua ke tempat kerja adalah lebih kurang sama dengan gaji yang bakal diperolehi daripada kerja yang mampu dibuat olehnya. Lagipun plaintif kedua ialah seorang pembantu/ penolong am di Koperasi Universiti Malaya. Jawatan ini seakan-akan jawatan pelayan pejabat atau peon. Plaintif kedua tidak mempunyai pengetahuan asas dalam bidang jurutaip atau computer. Maka pendapat Penolong Kanan Pendaftar menyifatkan plaintif kedua tidak dapat bekerja langsung adalah munasabah dan pemberian RM330 sebulan selama tempoh 15 tahun adalah adil dan berpatutan.

Mengenai kos rawatan/layanan kepada plaintif kedua sebanyak RM100 sebulan tidak boleh dikurangkan atau disifatkan sebagai tidak perlu, kerana kedua-dua belah kakinya menjadi lumpuh dan tangan kanannya menjadi lemah. Dalam keadaan yang dilaporkan oleh doktor pakar yang tersebut di atas, plaintif kedua perlu mendapat layanan daripada seorang pembantu walaupun tidak sepenuh masa. Peruntukan yang diberi untuk upah seseorang melayani separa masa sebanyak RM100 sebulan itu adalah sangat munasabah.

Di atas alasan-alasan yang dihurai di atas, Mahkamah menolak rayuan ini dengan perayu dikenakan kos yang akan ditaksirkan oleh Penolong Kanan Pendaftar. Keputusan Penolong Kanan Pendaftar pada 4 Jun 1992 dikekalkan.